

Kuasai IT penuhi tuntutan dunia moden

Kita boleh mengatakan kesan COVID-19 menjejaskan kebanyakan industri. Bagaimanapun, pembangunan teknologi maklumat (IT) tidak menajadi perlahan.

Lebih daripada itu, trend pembangunan perisian terus meningkat dengan lebih pantas. Oleh itu, kita perlu menyesuaikan diri dengan lingkungan baharu menggunakan teknologi yang kita miliki, misalnya dari segi pekerjaan jarak jauh, iaitu berkerja dari rumah.

Banyak teknologi baharu muncul dan berkembang. Dengan itu, trend baharu yang dapat diharapkan akan berkembang ketika kita memasuki 2021.

Ramai antara kita terbiasa dengan kelebihan teknologi pendidikan (edTech) dan e-dagang sehingga trend ini dapat kekal dalam kehidupan kita pada alaf ini.

Antara pembangunan perisian yang akan jadi trend pada 2021 ialah pengkomputeran awan. Teknologi awan antara pembangunan perisian meningkat dengan ketara ketika COVID-19 ini.

Sebenarnya, kebanyakan industri yang membabitkan perisian akan memfokuskan penggunaan penuh pengkomputeran awan.

Kebanyakan syarikat mengalami kerugian ketika pandemik ini sehingga perlu menjimatkan sebanyak mungkin dan mengurangkan kos, justeru pembangunan perisian serta pengkomputeran awan adalah peluang terbaik untuk digunakan.

Selain itu, penggunaan pengkomputeran awan yang optimum dapat memudahkan pekerjaan bagi berkerja dari rumah semasa pandemik. Oleh itu,

pengkomputeran awan akan kekal dan terus berkembang pada 2021.

Selain augmentasi realiti (AR) dan realiti campuran digunakan secara aktif untuk latihan jarak jauh, penjagaan kesihatan, permainan dan peningkatan sumber manusia dalam memajukan kemampuan dengan menggabungkan perubahan dengan teknologi. Ia jelas menunjukkan teknologi ini akan berkembang pesat.

Kadar anggaran pertumbuhan pasaran realiti campuran global adalah berganda dalam beberapa tahun akan datang.

Seperti biasa, pelaburan lebih besar dan banyak projek baharu yang muncul bermaksud kemajuan teknologi serta pelaksanaan inovasi lebih pantas.

Internet benda (IoT) mungkin tidak lagi dilihat sebagai perkara terkini, tetapi sebahagian daripada kenyataan kita. Pertumbuhan IoT yang pesat menjadi penerimaan bagi semua lapisan masyarakat. Pada 2021 IoT akan terus berkembang dan lebih banyak lagi projek yang mengubah hidup.

Memandangkan keadaan pandemik terus meningkat dan kita masih ting-

gal di rumah selepas 2020, syarikat teknologi akan menemukan kaedah baharu untuk menjadikan berada rumah lebih menyenangkan dan penggunaan IoT

Begitu juga pembangunan kod rendah dan tanpa kod. Sudah jelas ketika tahun krisis, syarikat perisian berusaha mengurangkan kos sebanyak mungkin dan kakitangan untuk melakukan pembangunan perisian.

Oleh itu, pilihan terbaik adalah menggunakan kod rendah atau tanpa kod untuk membuat laman web atau aplikasi mudah alih bagi orang bukan berteknologi yang semakin popular.

Perkiraan pertumbuhan tahunan selama empat tahun akan datang dijangka lebih pesat. Secara praktikal, pertumbuhan penyelesaian tanpa kod akan meningkatkan keperluan jurutera perisian yang mengembangkan projek ini, terutama kerana alat ini diramalkan akan lebih kompleks.

Mazidah Mat Rejab

Kejuruteraan Perisian, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur

